

## ADAKAH MURID TABIKA PERPADUAN DIBERIKAN PENDEDAHAN BERKAITAN PENGETAHUAN KEMAHIRAN MENGURUSKAN DIRI ?

- Ya, murid Tabika Perpaduan diberikan pengetahuan pengurusan diri melalui program Jom Urus Diri yang merupakan kemahiran asas pengurusan diri.
- Program ini adalah bertujuan meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.
- Ada enam (6) aspek kemahiran pengurusan diri yang diajar kepada murid Tabika Perpaduan iaitu:
  - Kemahiran pengurusan tempat tidur
  - Kemahiran berpakaian
  - Kemahiran memakai dan menyusun kasut
  - Kemahiran penggunaan tandas
  - Kemahiran pengurusan waktu makan
  - Kemahiran mengurus kebersihan bilik

## BERAPAKAH JUMLAH TABIKA PERPADUAN DI SELURUH MALAYSIA?

- Jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negara sehingga kini adalah sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan.

## BERAPA BILANGAN MURID DI DALAM SEBUAH TABIKA PERPADUAN?

- Jumlah murid di setiap Tabika Perpaduan adalah antara 25 hingga 30 orang murid tertakluk kepada kesesuaian ruang/kapasiti Tabika Perpaduan tersebut.

## BERAPA LAMA TEMPOH WAKTU PEMBELAJARAN DI TABIKA PERPADUAN?

- Waktu pengoperasian Tabika Perpaduan adalah empat jam sehari seperti berikut:
  - Waktu pembelajaran sesi pagi : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari.
  - Waktu pembelajaran sesi petang : 12.30 tengah hari - 4.30 petang.

## ADAKAH MURID TABIKA PERPADUAN DIAJAR BAHASA LAIN SELAIN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS ?

- Ya, bahasa-bahasa lain yang diajar di Tabika Perpaduan selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah seperti berikut :
  - Bahasa Mandarin : Pengajaran di Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.
  - Bahasa Tamil : Pengajaran di Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.
  - Bahasa Kadazan : Pengajaran di Tabika Perpaduan di negeri Sabah.
  - Bahasa Iban : Pengajaran di Tabika Perpaduan di negeri Sarawak.
  - Bahasa Isyarat : Pengajaran di semua Tabika Perpaduan
- Pengajaran kepelbagaiannya ini bertujuan meningkatkan tahap keyakinan murid bertutur dengan rakan mereka menggunakan perkataan asas bahasa ibunda rakan mereka daripada kaum yang berlainan di mana secara tidak langsung akan dapat mengeratkan lagi hubungan mereka sesama rakan.
- Pengajaran dan pembelajaran asas bahasa isyarat membolehkan murid Tabika Perpaduan berkomunikasi dan mengukuhkan hubungan kepekaan sosialisasi dengan rakan Orang Kurang Upaya (OKU) mereka dalam komuniti.

## SIAPAKAH YANG BOLEH DIHUBUNGI UNTUK MENDAPATKAN PENJELASAN LANJUT MENGENAI PELAKSANAAN DAN PENGENDALIAN KELAS TABIKA PERPADUAN?

- Pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:
  - Peringkat Ibu Pejabat JPNIN
  - Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak (UPAK)
  - Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional (BKSIN).
- Peringkat Negeri
  - Pejabat Perpaduan Negeri
- Peringkat Daerah/Bahagian
  - Pejabat Perpaduan Daerah/Bahagian
- Nombor telefon untuk dihubungi boleh dirujuk dalam direktori di portal JPNIN seperti berikut:  
<https://www.jpnin.gov.my/web/direktori>



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



(FAQ)

# SOALAN LAZIM

JENTERA PERPADUAN  
(BAHAGIAN KESEPADUAN SOSIAL  
DAN INTEGRASI NASIONAL)

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

# BAHAGIAN KESEPADUAN SOSIAL DAN INTEGRASI NASIONAL (BKSN)

## TABIKA PERPADUAN (TP)



## APAKAH SYARAT PEMBUKAAN KELAS TABIKA PERPADUAN?

Syarat pembukaan kelas Tabika Perpaduan adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia.
- Mempunyai minimum 200 unit rumah/ kediaman atau 500 penduduk dalam kawasan cadangan penubuhan Tabika Perpaduan.
- Mempunyai premis yang sesuai dan selamat (Kapasiti keluasan kelas memuatkan minimum 25 orang kanak-kanak).
- Mengutamakan kawasan yang mempunyai kanak-kanak pelbagai kaum.
- Mempunyai kanak-kanak yang berumur empat (4) hingga enam (6) tahun dalam kawasan tersebut.



## APAKAH SYARAT-SYARAT KEMASUKAN TABIKA PERPADUAN?

- Kanak-kanak hendaklah warganegara Malaysia.
- Mempunyai sijil kelahiran atau MyKid.
- Kanak-kanak berumur empat (4) hingga enam (6) tahun. Keutamaan kepada kanak-kanak berumurlima (5) dan enam (6) tahun.
- Keutamaan kepada tempat kediaman atau tempat kerja ibu bapa/penjaga dalam lingkungan 10km dari lokasi Tabika Perpaduan.
- Kanak-kanak bukan berkeperluan khas.

## APAKAH OBJEKTIF PENUBUHAN TABIKA PERPADUAN ?

Terdapat dua (2) objektif utama penubuhan Tabika Perpaduan :

- **Membentuk murid yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat perpaduan:**
  - Murid dapat menunjukkan semangat cintakan negara.
  - Murid dapat meraikan kepelbagaiannya kaum dan etnik yang ada di negara kita.
- **Membentuk kemenjadian murid dan memperkembangkan konsep kendiri :**
  - Murid berpotensi untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta responsif dalam sesi pembelajaran.
  - Murid menampilkkan peribadi dan perwatakan positif.

## APAKAH KURIKULUM YANG DIGUNAKAI DI TABIKA PERPADUAN?

- Kurikulum yang digunakan di Tabika Perpaduan adalah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Modul pendidikan khusus yang digunakan di Tabika Perpaduan adalah seperti berikut:
  - Modul Pendidikan Rukun Negara
  - Modul Jom Urus Diri
  - Pembelajaran dan Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa

## APAKAH KEISTIMEWAAN ATAU KEUNIKAN TABIKA PERPADUAN?

Keistimewaan dan keunikan Tabika Perpaduan adalah seperti berikut:

- **Menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kementerian Pendidikan Malaysia.**

- Program penerapan dan pemupukan nilai-nilai murni, perpaduan dan kenegaraan dalam program pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada murid berumur seawal usia empat (4) tahun.
- Pelaksanaan modul pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang khusus berteraskan kenegaraan iaitu:
  - Pendidikan Rukun Negara : Murid diberikan pengetahuan dan pemahaman pengamalan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara dalam kehidupan sehari-hari.
  - Jom Urus Diri : Pengajaran dan pendedahan kepada murid mempelajari kemahiran asas pengurusan diri di rumah.
  - Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa di Tabika Perpaduan ( Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan, Bahasa Iban dan Bahasa Isyaroat).
- Guru yang mempunyai kelulusan kelayakan akademik Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak.
- Mempunyai tenaga pengajar yang kreatif, inovatif dan terlatih.



## BAGAIMANAKAH PELAKSANAAN PENERAPAN PENDIDIKAN RUKUN NEGARA DI TABIKA PERPADUAN?

- Guru mengajar berdasarkan modul khusus yang dibangunkan iaitu modul Pendidikan Rukun Negara.
- Murid diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.
- Pengetahuan dan pemahaman berkaitan setiap prinsip Rukun Negara melalui latihan dalam buku, simulasi, dan bahan bantu mengajar diberikan untuk mengukuhkan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan sehari-hari seawal usia enam tahun.



Learning,  
Loving,  
Growing